

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]

TARIKH : 9 JUN 2014

RUJUKAN : 6809

SOALAN:

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah tindakan Kerajaan bagi mengelakkan kes-kes seperti kes penyeludupan seperti orang, dadah, minyak, senjata api dan juga termasuk hidupan liar atau produk seperti gading, kulit dan organ dan juga produk hutan tumbuhan yang penting untuk perubatan dan komersial seperti gaharu ini berulang dan adakah lesen memburu atau mengekspot hasil hutan yang di berikan selari dengan sumber negara dari segi pengeluaran dan permintaan bagi mengelakkan penyeludupan dan transit hidupan liar khususnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Istilah penyeludupan ialah membawa masuk barang-barang bercukai atau larangan ke Malaysia atau keluar dari Malaysia secara tidak sah dan bertentangan dengan peruntukan undang-undang negara. Terdapat dua jenis penyeludupan iaitu penyeludupan secara langsung dan penyeludupan secara frod (*Fraud*). Penyeludupan secara langsung ialah membawa keluar atau masuk barang berduit atau larangan tanpa mengikrar kepada Kastam atau pihak berkuasa yang berkaitan. Penyeludupan secara frod pula bermaksud mengikrar butiran barang seperti harga, kuantiti, berat, jenis barangan yang tidak mengikut deskripsi sebenarnya bertujuan daripada dikenakan cukai yang tinggi atau mengelak dari syarat-syarat kawalan seperti lesen, permit pengimportan atau pengeksportan. Jenis-jenis komoditi yang kerap diseludup seperti rokok, minuman keras, gula, minyak diesel dan sebagainya dan yang lebih merbahaya adalah penyeludupan senjata api dan bahan letupan.

Pihak Kerajaan telah merangka strategi dan melaksanakan tindakan untuk membenteras isu ini. Antara tindakan yang diambil adalah:

- i) Mempertingkatkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam bertukar dan berkongsi maklumat risikan seperti dengan Badan Koordinasi Keamanan Laut Republik Indonesia (BAKORKAMLA) di bawah payung *Malaysia-Indonesia General*

Border Committee (MALINDO-GBC) dan dengan negara ASEAN yang lain.

- ii) Mengadakan kerjasama dengan negara-negara ASEAN berkaitan *Trans Border Crime* yang mana agenda penyeludupan senjata api diberi perhatian serius dan setiap ahli menandatangani '*protocol against the illicit manufacturing and the trafficking in firearms, their parts and components and ammunition; supplementing the United Nations Convention against Transnational Organised Crime.*'**
- iii) Menggalakan pertukaran maklumat antara Negara ahli melalui seketeriat ASEANAPOL atau melalui e-ADS (*Aseanapol Data System*) perkara berkaitan penyeludupan.**
- iv) Mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan dalam negara seperti Jabatan Kastam, Angkatan Tentera Malaysia (ATM, Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM) dan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) untuk meningkatkan lagi penguatkuasaan di sempadan negara.**
- v) Kementerian membuat cadangan kepada Kerajaan untuk memperkasakan dan memperluaskan lagi Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) ke seluruh negara.**
- vi) Membuat perolehan untuk mesin pengimbas (scanner machine) yang lebih moden dan canggih untuk ditempatkan di semua pintu masuk dalam negara.**

Lesen untuk memburu dan mengekspot hasil hutan tidak dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri tapi dikeluarkan oleh Jabatan Perhilitan dan Taman Negara (Perhilitan), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai maklumat berkaitan lesen memburu atau mengekspot hasil hutan yang diberikan sama ada ianya selari dengan sumber negara dari segi pengeluaran dan permintaan bagi mengelakkan penyeludupan dan transit hidupan liar seperti yang dikemukakan.